



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan
Ministry of Education
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8884 6072
Faks : 03-8888 5124
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.200-4/2/1 Jld. 49 (92)

Tarikh : 24 Jun 2026

Senarai Edaran

Y/Bhg. Datuk/Datin/Dr./Ts./Tuan/Puan,

PENGURANGAN KADAR SEWA PREMIS MAKANAN SEBANYAK 50% BAGI SEKOLAH-SEKOLAH DAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Kementerian Pendidikan (KPM) amat prihatin terhadap kesan rantaian ekonomi global, khususnya ketidakstabilan pasaran dan peningkatan kos operasi yang dihadapi oleh rakan strategik susulan krisis geopolitik di Asia Barat.

3. Sehubungan itu, bagi membantu pengusaha kantin dan penyewa premis makanan yang terjejas dari aspek pendapatan, KPM bersetuju memberikan **pengurangan kadar sewa sebanyak 50% bagi premis makanan yang beroperasi di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan di bawah KPM**. Pengurangan kadar sewa ini diberikan secara automatik kepada penyewa yang layak dan tidak memerlukan sebarang permohonan. Langkah ini juga bertujuan memastikan kelangsungan perkhidmatan makanan yang berkualiti kepada murid, pelajar dan warga institusi pendidikan dapat dikekalkan.

4. Pengurangan kadar sewa ini adalah bagi tempoh enam (6) bulan bermula **Julai 2026 hingga 31 Disember 2026**. Pihak YBhg. Datuk/Datin/Dr./Ts./Tuan/Puan adalah diminta untuk memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- i) Sekiranya tempoh penyewaan berbaki kurang daripada enam (6) bulan, pengurangan kadar sewa tersebut akan terpakai bagi baki tempoh perjanjian sahaja;
- ii) Sekiranya baki tempoh penyewaan melebihi enam (6) bulan, pengurangan kadar sewa adalah terpakai untuk enam (6) bulan sahaja dan kadar sewa bagi baki tempoh perjanjian adalah seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian penyewaan;
- iii) Sekiranya tempoh sewaan telah tamat sebelum 1 Julai 2026, maka pengurangan kadar sewa ini tidak terpakai bagi perjanjian penyewaan tersebut;
- iv) Pengurangan kadar sewa ini turut terpakai kepada penyewa yang mempunyai tunggakan sewa, tertakluk bahawa pengurangan tersebut hanya dikenakan ke atas kadar sewa semasa dan tidak melibatkan tunggakan sedia ada.;
- v) Sekiranya bayaran sewa bagi tempoh yang terlibat telah dijelaskan terlebih dahulu, lebihan bayaran hendaklah diselaraskan melalui kaedah yang ditentukan oleh sekolah atau institusi pendidikan berkenaan; dan

vi) Pengurangan kadar sewa ini tidak menjejaskan hak Kerajaan untuk mengambil apa-apa tindakan yang diperuntukkan di bawah perjanjian penyewaan atau mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

5. Pihak YBhg. Datuk/Datin/Dr./Ts./Tuan/Puan tidak perlu meminda perjanjian sedia ada kerana klausa mengenai kadar sewa asal masih terpakai. Walau bagaimanapun, pihak YBhg. Datuk/Datin/Dr./Ts./Tuan/Puan diminta untuk mengeluarkan suatu notis seperti format di **Lampiran** bagi memaklumkan pengurangan kadar bayaran sewa tersebut kepada penyewa-penyewa premis yang terlibat.

6. Sebarang isu pelaksanaan atau perkara yang tidak diperuntukkan dalam surat ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Pengurusan Aset, Kementerian Pendidikan untuk pertimbangan dan keputusan lanjut. Segala kerjasama pihak YBhg. Datuk/Datin/Dr./Ts./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' WAN HASHIM BIN WAN RAHIM)

s.k.:

1. Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
2. Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan
4. Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan)
Kementerian Pendidikan
5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Operasi Sekolah)
Kementerian Pendidikan
6. Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
Kementerian Pendidikan
7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Pendidikan
8. Ketua Unit Audit Dalam
Unit Audit Dalam
Kementerian Pendidikan

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E2
62604 PUTRAJAYA

2. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E
62604 PUTRAJAYA

3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan
Aras 3, No 2251
Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA

4. Pengarah
Bahagian Pendidikan & Latihan Teknik Vokasional
Kementerian Pendidikan
Aras 5 & 6, Blok E14, Kompleks E
62604 PUTRAJAYA

5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan
Aras 2, Blok E2, Kompleks E
62604 PUTRAJAYA

6. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian
Kementerian Pendidikan
Aras 1,2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan
Aras Bawah Dan Aras 2 No. 2251
Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA

8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan
Aras 1-3 Blok 2250
Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
SELANGOR

9. Setiausaha Bahagian
Bahagian Permata
Aras 3 Blok Podium
Menara Usahawan
Persiaran Perdana
Presint 2
62652 PUTRAJAYA

10. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan
Kompleks Pendidikan Nilai
71760 Bandar Enstek
NEGERI SEMBILAN

11. Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Aras 1,2,5-13, Blok E11, Kompleks E
62604 PUTRAJAYA

12. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Padang Behor - Guar Syed Alwi
01000 Kangar
PERLIS

13. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan Jalan Stadium
05100 Alor Setar
KEDAH

14. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG

15. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
30020 Ipoh
PERAK

16. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Duta, Off Jalan Duta
50604 KUALA LUMPUR

17. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
Jalan Jambul Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR

18. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 Seremban,
NEGERI SEMBILAN

19. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana
75450 Bukit Beruang
MELAKA

20. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 Johor Bahru
JOHOR

21. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
PAHANG

22. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
TERENGGANU

23. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong
16010 Kota Bharu
KELANTAN

24. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punai Tanah
88450 Likas
SABAH

25. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petrajaya
93050 Kuching
SARAWAK

26. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 LABUAN

27. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
62604 PUTRAJAYA

LAMPIRAN

Ruj. Kami:

Tarikh :

(Nama dan alamat penyewa)

Tuan,

**PENGURANGAN KADAR SEWA (PREMIS MAKANAN) SEBANYAK
50% BAGI SYARIKAT DI (NAMA PREMIS)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan pengumuman Kementerian Pendidikan, bayaran sewaan yang perlu dibayar oleh tuan di bawah Perjanjian (masukkan nama perjanjian penyewaan) bertarikh (masukkan tarikh perjanjian penyewaan) ("Perjanjian") adalah diberi pengurangan kadar sewa sebanyak 50% bermula dari bulan Julai 2026 hingga 31 Disember 2026 iaitu selama 6 bulan.

3. Adalah diingatkan bahawa bayaran sewaan selepas 31 Disember 2026 hendaklah dibayar dengan kadar sewa yang telah diperuntukkan di bawah Perjanjian Penyewaan sedia ada. Notis ini juga hendaklah tidak dengan apa cara sekali pun menjejaskan apa-apa hak Sekolah/Institusi Pendidikan di bawah Perjanjian dan tidak mengubah mana-mana peruntukan Perjanjian tersebut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Ruj. Kami:
Tarikh :

Pengarah
Rinny Mr Empire
Koperasi Sri Telang Berhad
Depan Simpang Tanjung Jambu
27200 Kuala Lipis
PAHANG

Tuan,

PENGURANGAN KADAR SEWA KANTIN SEBANYAK 50% BAGI SYARIKAT RINNY MR EMPIRE DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TENGGU AMPUAN AFZAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan pengumuman Kementerian Pendidikan, bayaran sewaan yang perlu dibayar oleh tuan di bawah Perjanjian Penyewaan Ruang Di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan Bagi Tujuan Kantin Oleh Syarikat Rinny Mr Empire bertarikh **1 Januari 2026** ("Perjanjian") adalah diberi pengurangan kadar sewa sebanyak 50% bermula dari bulan Julai 2026 hingga 31 Disember 2026 iaitu selama 6 bulan.

3. Adalah diingatkan bahawa bayaran sewaan selepas 31 Disember 2026 hendaklah dibayar dengan kadar sewa yang telah diperuntukkan di bawah Perjanjian Penyewaan sedia ada. Notis ini juga hendaklah tidak dengan apa cara sekali pun menjejaskan apa-apa hak Sekolah/Institusi Pendidikan di bawah Perjanjian dan tidak mengubah mana-mana peruntukan Perjanjian tersebut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)